

Islam tegah putar belit

KUALA LUMPUR: Datuk Serif Dr Mahathir Mohamad berkata, tindakan Pas memutarbelitkan cadangan agar perkataan Islam digugurkan daripada nama parti politik adalah tindakan yang tidak diizinkan oleh Islam.

Perdana Menteri berkata, jika parti itu berpegang kepada ajaran Islam, mereka tidak sepatutnya memutarbelitkan cadangan yang dibuat dalam Perhimpunan Agung Umno November lalu, itu.

“Perbuatan putar belit sama sekali tidak diizinkan oleh Islam. Maka, kalau benarlah Pas berpegang kepada ajaran Islam, dia tidak putar belitkan keputusan Umno.

“Malah, Pas sendiri tidak berhak menggunakan perkataan Islam untuk parti itu kerana ia tidak mengamalkannya,” katanya dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di sini, semalam.

Beliau berkata, mesyuarat hampir

tiga jam itu juga membincangkan mengenai fitnah yang dilemparkan oleh Pas terhadap cadangan Umno itu sebagai masalah yang dihadapi dalam menghadapi Pilihan Raya Umum akan datang.

Dr Mahathir berkata, tindakan Pas memfitnah Umno kononnya mahu mereka membuang Islam adalah bukti terbaru dan jelas bahawa parti itu tidak mengamalkan ajaran Islam.

Beliau menjelaskan bahawa cadangan yang dibuat dalam perhimpu-

nan Umno itu ialah mahukan Pas menggugurkan perkataan Islam daripada nama parti itu dan bukannya membuang Islam.

Perdana Menteri berkata, dalam ucapannya di perhimpunan itu juga beliau sudah menjangkakan Pas akan memfitnahkan Umno dan ia jelas sekali apabila pembangkang terbabit menjemput orang ramai ke satu majlis ceramah membincangkan kepu-

●●● LIHAT MUKA 2

Islam tegah putar belit

●●● DARI MUKA 1

tusan Umno.

Menurut Dr Mahathir, Pas mengeluarkan poster majlis ceramah itu dengan menggunakan tajuk buang Islam yang sekali gus memberi gambaran bahawa Umno menyuruh Pas berbuat demikian.

"Ini tidak benar sama sekali kerana Umno adalah parti orang Islam dan kita tidak pernah cadang kepada sesiapa supaya agama Islam dibuang atau digugurkan.

"Tohmahan ini dengan sendirinya menjadi bukti kenapa Pas tidak harus menggunakan perkataan Islam di dalam nama partinya," katanya.

Ditanya sama ada Umno akan mengambil tindakan undang-undang terhadap Pas, Dr Mahathir berkata

Umno berpendapat rakyat perlu diberi penjelasan dengan pembongkaran ketara pemimpin parti pembangkang itu.

"Ini kena kikis dahulu, jika tidak ia dijadikan isu politik Pas kerana memang tabiat Pas mengadakan isu di mana tidak ada isu," katanya.

Beliau berkata, sikap Pas itu bertentangan dengan usaha Umno menyatupadukan umat Islam di bawah satu payung di negara ini seperti dituntut oleh agama dan Orang Melayu di Malaysia.

Malah, katanya, dunia luar termasuk negara Islam sering menganggap Malaysia sebagai contoh di segi perpaduan, pentadbiran yang baik dan kejayaan

umat Islamnya.

"Tetapi, Pas tidak nampak itu semua, yang dia nampak ialah kepentingan politiknya untuk menang dalam pilihan raya. Maka, dia fitnah macam-macam dengan menafikan kejayaan Malaysia dan menafikan kebolehan orang Islam," katanya.

Perdana Menteri berkata, beliau perlu membuat tegasan itu supaya tidak ada lagi salah faham dan salah sangka mengenai niat Umno agar Pas mengugurkan perkataan Islam.

Beliau juga meminta media memberi perhatian mengenai maksud sebenar hasrat Umno iaitu Pas boleh menggunakan sebarang nama bagi partinya, kecuali perkataan Islam.